

# Kawal buangan sisa plastik, selamatkan ekosistem marin

BH 29/6/2022 MS: 11

Oleh Rosmidzatul Azila Mat Yamin  
bhrencana@bh.com.my

**Tarikh** 8 Jun setiap tahun dipilih sebagai Hari Laut Sedunia. Sambutan ini inisiatif masyarakat dunia bagi mengiktiraf peranan ekosistem laut kepada kehidupan manusia dan kelangsungan kekayaan biodiversiti di dalamnya.

Namun, situasi semasa ekosistem lautan saban hari dihimpit ancaman pencemaran. Antara penyumbang pencemaran kritikal ekosistem laut ialah sisa plastik.

Hasil kajian dilakukan Prof Jenna Jambeck dari Universiti Georgia mendapati sebanyak 8.8 juta tan plastik berakhir di lautan seluruh dunia pada setiap tahun.

Sementara itu, statistik direkodkan *Our World in Data* (OWD) mendapati sebanyak lapan juta tan, iaitu bersamaan dengan tiga peratus bahan buangan plastik global mengalir ke lautan menerusi saliran seperti parit dan sungai.

Situasi ini membimbangkan kerana sisa plastik hanyut di lautan membahayakan dan mengancam nyawa hidupan marin, lebih-lebih lagi hidupan marin memakan partikel itu yang disangka makanan.

Buktinya, saban hari kita disajikan dengan berita kematian spesies marin seperti penyu, ikan paus, anjing laut dan pelbagai spesies lagi akibat termakan partikel plastik dan ada juga yang mati akibat terbelit atau terperangkap pada plastik.

Laporan berkaitan hidupan marin mati berpunca daripada plastik bukan perkara baharu, sebaliknya berlanjutan sejak sekian lama dan kes seumpama itu semakin bertambah setiap hari sehingga menyebabkan haiwan marin berdepan risiko kepupusan.

Kajian Universiti Plymouth mendapati sisa buangan plastik mengancam kira-kira 700 spesies hidupan marin sehingga menyebabkan sebahagiannya diancam kepupusan. Kira-kira 100 juta mamalia marin terbunuh saban tahun akibat pencemaran plastik.

Bahan buangan plastik di lautan bukan sahaja memberi ancaman secara langsung apabila dimakan haiwan marin, sebaliknya sisa plastik terurai

menjadi plastik mikro dan plastik nano, membahayakan hidupan marin lain, termasuk ikan yang menjadi sumber makanan manusia.

Dalam konteks ini, bahan kimia sangat toksik terdapat di dalam plastik menyerap ke dalam tisu haiwan terbabit. Hal ini secara tidak langsung turut mengancam tahap kesihatan manusia apabila memakan sumber makanan laut dicemari mikropartikel dan nanoplastik.

Jika dilihat statistik kadar pembuangan sisa plastik di Malaysia, ia berada pada tahap amat membimbangkan. Kajian Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara terhadap komposisi sisa isi rumah pada 2015 mendapati sumber buangan sisa pepejal kedua terbesar ialah plastik iaitu 14 peratus.

Banyak kajian menunjukkan terdapat peningkatan kadar pembuangan sisa plastik di seluruh dunia sejak penularan pandemik COVID-19 pada 2020.

Dengan kadar peningkatan sisa buangan plastik yang berlaku, ia menyumbang kepada peningkatan sisa berakhir di lautan. Ia menjadi beban bertenaga kepada ekosistem laut kerana plastik me-

ngambil masa lama yakni beratus-ratus tahun untuk terurai secara semula jadi.

Sudah tiba masa semua pihak menggembleng tenaga dan usaha meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat pada semua peringkat usia mengenai ancaman pencemaran plastik terhadap ekosistem dan kehidupan sejagat.

Kempen kesedaran perlu diperkasakan supaya masyarakat didedahkan dengan ilmu pengetahuan mencukupi mengenai aspek penjagaan alam sekitar, sekali gus menterjemahkan kepada tindakan berkesan dalam usaha menghadkan penggunaan plastik dan meminimumkan kadar pembuangan sisa berkenaan ke persekitaran.

Inisiatif kerajaan menerusi Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 perlu disokong masyarakat. Tanpa sokongan padu masyarakat, usaha ini menjadi sia-sia.

Oleh itu, sama-sama kita memainkan peranan secara tuntas dalam membudayakan gaya hidup mesra alam supaya ekosistem marin kita dapat diselamatkan.



Felov Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)